Vol. 26 Special Issue (2026) Jurnal al- Sirat
https://doi.org/10.64398/alsirat.v26i2.593

Vol. 26 Special Issue (2026)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my/

QAWĀʿID AL-MAQĀṢID SEBAGAI MODEL PEMIKIRAN ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SYARIAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Adam Affiq Yaakop[1*]& Noor Syahida Md Soh[2]

[1] Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia
[2] Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil, Selangor, Malaysia

Abstract

Qawāʿid al-Maqāṣid berperanan sebagai asas penting yang membantu meningkatkan keupayaan berfikir aras tinggi secara berstruktur. Berdasarkan konteks pedagogi semasa, pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dan Pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI) telah terbukti mampu meningkatkan kemahiran analisis, sintesis, penaakulan dan pembelajaran kendiri serta berkumpulan. Namun elemen dalam pendekatan tersebut banyak tertumpu kepada aspek kognitif sahaja tanpa menghubungkan dengan dimensi syariat. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan meneliti peranan Qawāʿid al-Maqāṣid sebagai satu prinsip yang berupaya meningkatkan kemahiran kognitif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap buku Qawāʿid al-Maqāṣid ʿinda al-Imām al-Shāṭibī karya Dr. Abdul Rahman al-Kailani. Data dianalisis menggunakan kaedah induktif dengan melihat kaedah penulisan penulis berkaitan Qawāʿid al-Maqāṣid untuk menjadikan kerangka KBAT. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Qawāʿid al-Maqāṣid membentuk keseimbangan antara akal dengan nas-nas yang mempunyai nilai akhlak, keimanan dan kehendak Syariah. Kajian ini mencadangkan kerangka PBM dan PBI diperkukuhkan dengan model Qawāʿid al-Maqāṣid kearah melahirkan pelajar yang berfikir aras tinggi, mampu menyelidik hukum-hukum kontemporari berpandukan Maqasid Syariah.

Kata kunci: *Qawāʿid al-Maqāṣid*; Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT); Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM); Pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI); *Maqasid Syariah*

Perkembangan Artikel

Diterima: 1 Mei 2026
Disemak: 25 Mei 2026
Diterbit: 30 September 2026

*Corresponding Author:

Adam Affiq Yaakop, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: 2024229184@student.uitm.edu.my

PENGENALAN

Perubahan pesat dalam ekosistem pendidikan tinggi memberi isyarat kepada pembaharuan pedagogi yang dapat membina kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar khususnya dalam bidang Pengajian Islam. Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dan Pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI)

adalah antara pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid untuk meningkat kemahiran kognitif mereka.

Disamping pendekatan PdP, terdapat permasalahan yang timbul dalam kalangan pelajar berkaitan cabaran dalam penyelidikan hukum fiqh yang menuntut pelajar memahami kitab *turath* dan juga berupaya untuk memahami dan menganalisis secara mendalam antara prinsip syariah dan isu kontemporari (Abdullah, M., Mohd Zhaffar, N., Badaruddin, Z., & Mohd Nawi, R. (2025).

Dalam konteks Pengajian Islam, ilmu *Maqasid Syariah* telah berkembang pesat dengan penekanan terhadap nilai melalui hubungan perilaku hamba dan kehendak syari' serta rasional di sebalik pensyariatan (Auda. 2021). Perkembangan ini membawa kepada eksplorasi konsep *Qawāʿid al-Maqāṣid*, iaitu kaedah-kaedah umum berasaskan *Maqasid Syariah* yang berfungsi sebagai garis panduan dan kerangka konsep yang memperkayakan proses penaakulan hukum bagi seorang penyelidik, mewujudkan mekanisma kawalan yang memperkukuhkan hubungan antara isu dengan dalil bagi memastikan keputusan hukum selaras dengan matlamat pembuat syariat (Al-Kailani, 'A. R. I. Z. 2000)

Oleh yang demikian, kaedah-kaedah *Maqasid Syariah* ini boleh bertindak sebagai kerangka pemikiran aras tinggi kerana ia melatih pelajar membuat hubungan antara prinsip umum Syariah dan kehendak maslahat semasa. Hal ini diperkuatkan lagi dengan penyataan dari Ifwat Ishak, M. S., & Mohammad Nasir, N. S. (2021) bahawa *Maqasid Syariah* mempunyai konsep yang holistik yang mampu menghubungkan teks wahyu dan situasi semasa, mengatasi isu semasa yang belum diputuskan hukum dan memastikan aplikasi hukum peka terhadap perubahan keperluan manusia, adat, latar belakang social, budaya, politik dan ekonomi.

Selain itu, walaupun terdapat banyak kajian menunjukkan kepentingan, peranan dan fungsi *Maqasid Syariah* kepada pembentukan polisi, penyelidikan hukum, penyelesaian krisis dan prinsip-prinsip universal namun terdapat kesukaran untuk mencari kajian-kajian berkaitan dengan Kaedah *Maqasid Syariah* sebagai kerangka pedagogi untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Namun demikian, kajian oleh Abdulghani, et al. (2025) mendapati bahawa terdapat beberapa jenis kelemahan dalam kalangan pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan *Maqasid Syariah* dengan isu semasa. Antara cabaran yang dikenalpasti adalah:

(a) Jurang yang luas antara pemahaman teori dengan dengan keupayaan mengaplikasikannya terhadap isu baharu.
(b) Pendekatan pengajaran yang memberi fokus kepada penyaluran maklumat satu arah.
(c) Kurang ilmu pengetahuan untuk mengenalpasti dan mengurus perbezaan pendapat ulama.
(d) Kesukaran membina hujah yang rasional berdasarkan prinsip *Maqasid Syariah*.

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menjelaskan bagaimana *Qawāʿid al-Maqāṣid* boleh membantu pelajar mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi yang seimbang antara akal dengan nas-nas yang mempunyai nilai akhlak, keimanan untuk memahami teori *maqasid* dan mengaitkan dengan aplikasi hukum.

SOROTAN LITERATUR

Keperluan Pembelajaran Berasaskan KBAT dalam kerangka pendidikan

Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) edisi kedua menggariskan bahawa pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi perlu menerapkan 3 domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Malaysian Qualifications Agency, 2024). Keperluan Pendidikan tinggi ini sejajar dengan kerangka global antaranya OECD Learning Compass 2030 (Taguma, M., & Frid, A. 2024) dan UNESCO (Locatelli, R. 2024) yang menekankan kompetensi holistik berasaskan pemikiran kritis, nilai dan etika.

Melalui domain kognitif ini terdapat kluster hasil pembelajaran yang memberi fokus kepada beberapa peringkat iaitu kemampuan memahami di peringkat pertama manakala peringkat kedua lebih menekankan kepada keupayaan berfikir aras tinggi.

Berdasarkan Standard Program Pengajian Islam (Agensi Kelayakan Malaysia, 2013) menekankan bahawa objektif pengajian Islam bukan sahaja untuk menyampaikan kandungan pengetahuan berdasarkan disiplin Ahli Sunnah wa al-Jamaah sahaja, tetapi juga membangunkan nilai moral, etika dan kerohanian Islam seterusnya melahirkan graduan yang kompeten dan responsif terhadap keperluan semasa. Sehubungan dengan itu juga, dokumen ini secara jelas menggariskan graduan peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana perlu memiliki dan mampu berfikir secara kritikal dan analatikal serta mampu menyelesaikan masalah. Bagi graduan Syariah, pelajar mestilah mampu menganalisis pemikiran dan aliran intelektual semasa yang mempengaruhi kefahaman serta persepsi masyarakat terhadap hukum fiqh.

Merujuk pada konteks kesepaduan ini, Hussien, S. (2007), Sahin, A. (2013) dan Auda. (2022) menegaskan bahawa Pengajian Islam memerlukan pemikiran yang luas untuk pertimbangan *maslahah* pendidikan, *maslahah* ekonomi dan sebagainya akhirnya menyokong kepada penjagaan daruriyat iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta yang dituntut oleh syara'. Keperluan ini menuntut kaedah pengajaran yang tidak sekadar memindahkan maklumat tetapi memaksa kepada pendekatan yang menggabungkan beberapa kaedah untuk menyepadukan intelektual dan rohani.

Diah, A. H. H. M. (2010) menambah bahawa matlamat Pendidikan Islam di peringkat pengajian tinggi adalah untuk membentuk al-Insan al-Kamil. Menurut Stapa, Z. (2001), al-Insan al-Kamil merujuk kepada manusia yang mencapai tahap kesedaran dan pencerahan minda yang tinggi sehingga mampu mengenali dirinya, fungsinya sebagai khalifah dan perananya sebagai hamba.

Justeru, penulis melihat definisi ini berkait rapat dengan kaedah *maqasid* "*Qaṣd al-shāriʿ min al-mukallaf an yakūna qaṣduhu min al-fiʿl muwāfiqan li-qaṣdihi fī al-tashrīʿ*" (Tujuan syarak terhadap *mukallaf* ialah supaya tujuan seseorang dalam melakukan sesuatu perbuatan selaras dengan tujuan *syara'* dalam pensyariatan hukum). Kaedah ini menerangkan tentang pecahan *Maqasid Syariah* yang dibuat oleh al-Syatibi iaitu *Maqasid Syari'* dan *Maqasid Mukallaf*. Al-Syatibi. (1997) menekankan kepentingan kedua-dua *maqasid* ini selari supaya *mukallaf* menjadi khalifah dengan menjalankan kehendak *syara'*.

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) sebagai Pembudayaan Pemikiran Kritis

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) telah dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan yang efektif dalam merangsang kemahiran berfikir aras tinggi kerana pendekatan ini membina proses pembelajaran melalui pengetahuan sedia ada, mengenalpasti elemen penting dalam permasalahan iaitu sebab dan akibat (Jalani, N. H. 2012), mengenal pasti jurang pengetahuan yang akan mencetus motivasi untuk

terus mencari maklumat, merangka beberapa andaian secara logik dan membandingkan beberapa maklumat terkumpul untuk membina kefahaman mendalam (Facione, P. A. 2011).

Hmelo-Silver, C. E. (2004) menambah bahawa proses PBM dijalankan secara berkumpulan untuk mewujudkan komunikasi dan pertukaran maklumat. Menurutnya struktur pedagogi ini mengubah peranan pelajar dari pada menerima maklumat secara pasif kepada melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif dan proaktif.

Elemen sebab, akibat dan rasional ini selari dengan *Maqasid Syariah* yang menekankan analisis realiti sebelum sesuatu hukum dipelajari. Keupayaan pelajar memecahkan, mengasingkan dan membuat perbandingan antara maklumat boleh dipandu oleh *Maqasid Syariah* dan kaedahnya sama ada untuk menyusun susunan keutamaan (Daruriyat, Hajiyat dan Tahsiniyat) atau pembahagian masalah (al-Kulliyat al-Khams).

Kajian Barrows, H. S. (1983) menunjukkan bahawa PBM mencetus minat dan meningkatkan kemampuan pelajar untuk membina proses penyelidikan kendiri disebabkan pelajar merasakan bertangungjawab untuk menyelesaikannya. Kajian ini disokong oleh beberapa kajian terkini seperti Omar, S. (2025) bahawa pelajar lebih tertarik kerana mereka boleh menentukan bentuk pembelajarannya sendiri. Tambahan pula Zakaria et al. (2024) menekankan bahawa di era digital ini, PBM perlu diperluaskan kerana pelajar sendiri mempunyai akses kepada informasi yang sangat luas dan global.

Tambahan lagi, kajian oleh Nisa et al. (2024) menunjukkan bahawa PBM bukan sahaja menyokong aspek kognitif malah merangkumi kemahiran atau domain afektif seperti disiplin dan profesionalisma, ketekunan dan bekerja keras secara kolaboratif. Semua elemen ini penting dan sejajar dengan hasil pembelajaran yang digariskan dalam dokumen MQF yang menetapkan bahawa pelajar perlu menunjukkan keupayaan membuat penilaian kritis dan rasional dalam pembelajaran (Malaysian Qualifications Agency, 2024).

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI) sebagai Pemangkin KBAT

Pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI) menekankan proses bertanya sebagai permulaan awal untuk mengaktifkan daya berfikir dan pembinaan kefahaman. Pendekatan PBI diiktiraf secara meluas sebagai pembelajaran berpusatkan pelajar yang menekankan pencarian jawapan dan penerokaan ilmu menggunakan minda yang kritis.

Menurut Anchunda, H. Y., & Kaewurai, W. (2025), PBI memberi peluang kepada pelajar melalui 5 fasa inkuiri secara aktif dan kendiri iaitu penglibatan, penerokaan, penerangan, penghuraian dan penilaian. Hal yang sama disebut dalam teori konstruktif oleh Piaget bahawa perkembangan kognitif itu berbeza dan mengikut individu. Justeru itu, pengajar perlu memberikan ruang kepada pelajar untuk melalui setiap proses tersebut. Menurut Iswara, D. (2025), teori Piaget lebih menumpukan kepada perkembangan yang ditunjukkan oleh Pelajar pada setiap fasa perkembangan berbanding melihat jawapan tersebut betul atau salah.

Sehubungan dengan itu juga, Zulkifli, H., & Hashim, R. (2019) memperkenalkan Pedagogi Hikmah sebagai pendekatan yang hampir selari dengan PBI, kerana keduanya mempunyai persamaan iaitu pembelajaran yang dimulai dengan proses bertanya, dialog dan pencarian jawapan dari soalan-soalan yang mempunyai makna dan berfalsafah. Pedagogi Hikmah berpaksikan tujuan asas Pendidikan Islam

itu sendiri iaitu membentuk insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki nilai murni sehingga akhirnya membawa kepada pencapaian makna-makna keimanan, ketaqwaan dan ketuhanan. Hal ini bertepatan dengan hakikat bahawa pemikiran ialah proses mencari hubungan antara beberapa idea untuk membina makna (Al-Mahdi Jenkins, M., & Azimullah, A. A. 2016).

Menurut Hashim et al.(2018), Pedagogi Hikmah adalah pengembangan dari satu pendekatan Pembelajaran berasaskan inkuiri falsafah yang diasaskan oleh Matthew Lipman. Pada pendapat Lipman, peningkatan kemahiran berfikir disebabkan 6 perkara iaitu minat, emosi, berfikiran kritis, nilai, kreativiti dan komuniti. Maka, menurutnya lagi keseimbangan 6 elemen ini harus diperhatikan oleh guru menjadikan peranan guru adalah sebagai fasilitator yang membantu pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Proses bertanya yang diterapkan dalam PBI ini didasari dengan soalan falsafah adalah selari dengan *Maqasid Syariah* kerana menurut al-Kailani (2000), terdapat kaedah *maqasid* yang didatangkan oleh al-Syatibi menekankan tentang kewajipan mujtahid memberi perhatian terhadap makna-makna hukum antaranya "*Al-qāʿidah al-ūlā: al-ʿamal bi al-ẓāhir ʿalā tattabuʿ wa taghallub, baʿīd ʿan maqṣūd al-shāriʿ, wa ihmāluhā isrāf ayḍan*" (Berpegang kepada zahir (lafaz) secara keterlaluan akan membawa kepada penyimpangan daripada tujuan sebenar syarak dan pengabaian terhadapnya juga merupakan suatu bentuk sikap yang melampau).

Selain itu, penekanan yang seimbang antara aspek pemikiran kritis dengan keperibadian murni menjadi lebih penting dalam era msyarakat digital 5.0. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran juga boleh disesuaikan dengan zaman ini supaya kandungan pembelajaran dapat disampaikan mengikut pola penerimaan maklumat, informasi dan ilmu pada era ini.

Menurut Soh et al. (2021) dan Yunus, J. N. (2022) nilai murni menjadi sangat penting dalam pembinaan diri supaya graduan yang lahir itu holistik, kompeten dan mempunyai jati diri yang kuat untuk menangani cabaran sosial. Dua penulisan tersebut menekankan pembangunan kurikulum dan kaedah pengajaran dalam era pendidikan 5.0 harus diikat dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu pembentukan masyarakat yang baik, berakhlak dan mempunyai jati diri serta tuntutan agama.

Akhirnya, kombinasi antara PBM, PBI dan Pedagogi Hikmah melahirkan pelajar khususnya yang beragama Islam yang mempunyai pemikiran yang kritis berpaksikan tauhid, etika, tanggungjawab sosial di atas prinsip amar ma'ruf, falsafah pendidikan, pendidikan dalam pembangunan negara maju yang disebut oleh OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development) dan komuniti pendidikan oleh diusahakan UNICEF.

Hubungan Mata Pelajaran Pengajian Syariah terhadap Pemikiran Aras Tinggi

Ilmu *Maqasid Syariah*, *Usul Fiqh*, *Qawaid Fiqhiyyah* dan *Qawaid Maqasidiyyah* antara ilmu teras yang membentuk epistemologi hukum Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai asas penetapan hukum, tetapi juga sebagai kerangka berfikir aras tinggi yang boleh membentuk daya fikir pelajar-pelajar jurusan Syariah.

Contohnya, kajian dari Abdullah et al. (2025) menjalankan kajian untuk mengenal pasti elemen-elemen pemikiran kritis dalam pengajaran Usul Fiqh. Hasil kajian mendapati bahawa 5 elemen iaitu *tazakkur*, *taʿaqqul, tadabbur, tafakkur* dan *tafakkuh* adalah proses berfikir aras tinggi yang wujud dalam pengajian Usul Fiqh.

Sehubungan dengan itu juga, terdapat kajian yang dijalankan oleh Yaacob et al. (2023) berkaitan metod fatwa Syeikh Ali Jumaah. Kajian tersebut mengetengahkan 4 proses yang berlaku dalam pengeluaran hukum iaitu proses memahami masalah, proses mengadaptasi masalah baru dengan masalah yang pernah difatwakan oleh ulama silam, proses penjelasan hukum dan pemfatwaan. Proses ini juga turut menggambarkan bahawa elemen pemikiran aras tinggi diaplikasikan dalam metod Syeikh Ali Jumaah kerana proses yang sangat komprehensif dengan menggabungkan masalah semasa dengan sandaran nas-nas terdahulu.

Hal ini boleh menatijahkan penyelidikan yang berpaksikan nilai Islam serta pada masa yang sama menghasilkan fatwa yang dikeluarkan lebih tepat dan telus bagi pengamalan umat Islam semasa.

Perkara yang menyumbang kepada pemikiran kritis adalah kemahiran membuat pembahagian. Ini adalah kemahiran tahap keempat yang diletakkan dalam Teksonomi Bloom iaitu menganalisis. Proses menganalisis dimulai dengan kemampuan mencerakinkan maklumat-maklumat kepada beberapa komponen untuk melihat hubungkait atau perbandingan.

Sehubungan dengan itu, ilmu *Maqasid Syariah* adalah salah satu ilmu yang mempunyai dimensi yang pelbagai untuk membantu melihat isu dari sudut mikro yang rencam. ‘Aṭiyyah, J. al-Dīn. (2001) menulis bahawa *Maqasid Syariah* itu boleh dilihat dari beberapa spektrum seperti *Maqasid Umum* (makro) berkaitan agama, nyawa, maruah, akal dan harta, *Maqasid Khusus* seperti bidang tujuan syara’ dalam bidang ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat, *Maqasid Khusus* (mikro) seperti larangan terperinci mengenai riba, perkahwinan sesama mahram dan lain-lain.

Kajian dari Abdulghani et al. (2025) dan Ishak & Nasir (2021) menekankan bahawa kepelbagaian spektrum dalam ilmu ini membentuk pemikiran yang holistik dan seimbang antara elemen kognitif, nilai dan etika islam serta tuntutan ubudiyyah sebagai hamba kepada Allah.

Kajian oleh Hamat, M. F., & Ellias, M. S. (2010) ini pula meneliti dengan lebih terperinci aspek pemikiran kritis yang terkandung dalam kaedah-kaedah fiqh. Menurutnya, penguasaan terhadap kaedah fiqh dapat membentuk pelajar berfikiran analitikal, objektif dan pragmatik dalam menilai suatu isu. Hal ini boleh dilihat melalui definisi kaedah fiqh iaitu hukum yang umum yang mengandungi hukum-hukum dan cabang-cabang yang khusus berada di bawahya (Al-Nadwi, A. A. (1991)). Al-Sayuti (1997) pula memberi definisi sebagai perkara kulli yang merangkumi bahagian-bahagiannya yang banyak. Maka dari bahagian-bahagian tersebut diketahui hukum-hukum juz’iyyah.

Berdasarkan definisi yang diberikan, kaedah fiqh adalah prinsip yang menyeluruh dan fleksibel. Sehubungan dengan itu, Hamat, M. F., & Ellias, M. S. (2010) menyatakan bahawa kaedah fiqh ini adalah gabungan antara unsur syara’ dan unsur rasional. Beliau mencadangkan bahawa kerangka kaedah ini dijadikan garis panduan kepada panduan berfikir untuk mempunyai pemikiran yang kritis dan objektif.

Sebagai contoh, aplikasi berfikir aras tinggi dalam kaedah ini dapat dilihat dalam kajian Nurholis, M. (2025) yang menerapkan salah satu kaedah *maqasid* dan kaedah fiqh, iaitu kaedah kemudaratan mesti dihapuskan (*Al-Darar Yuzāl*) dalam menangani krisis ekologi.

Melalui pendekatan *maqasid*, nas-nas dianalisis sebagai sandaran dan dalil kewajipan usaha pemeliharaan kelestrian alam. Memandangkan isu alam sekitar bukan sahaja memberi kesan kepada

ekosistem malah secara impak langsung juga kepada pembentukan sosial, pengurusan ekonomi dan kesihatan manusia maka *Maqasid Syariah* melalui pembahagian penjagaan jiwa dan harta dikaitkan sebagai kerangka asas kelestarian alam.

Prinsip *maslahah* iaitu *ḍarūriyyāt, ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* kemudiannya digunakan sebagai mekanisma untuk mengawal dan menilai kerosakan dari aktiviti-aktiviti penebangan hutan, pembalakan, pencemaran yang bertentangan dengan prinsip *Maqasid Syariah*. Secara pragmatiknya, *Maqasid Syariah* dilihat bukan sahaja sebagai objektif syarak dan prinsip teologis, tetapi juga sebagai pedoman dalam usaha pemeliharaan alam sekitar (Susana et al., 2025)

Menurut Auda. (2021), awalnya *maslahah* dibincangkan dalam qiyas melalui ‘*illah* kemudian ilmu ini berkembang sehingga mampu digunakan dalam pelbagai bidang kerana *Maqasid Syariah* dari awal lagi membentuk kerangka berfikir aras tinggi dengan unsur keimanan dan ketuhanan yang dipecahkan kepada pelbagai spektrum membolehkan ia digunakan dalam bidang lain antaranya pendidikan.

Hal ini kerana *Maqasid Syariah* terbentuk dari proses penyelidikan ‘*illah*. Melalui proses tersebut terdapat beberapa elemen penaakulan iaitu meneliti dalil, mengkaji isu, mengenalpasti uruf atau realiti dan mengukur implikasi. Dalam konteks inilah disiplin *Qawāʿid* menyediakan bentuk berfikir yang mudah melalui kerangka yang sudah sedia terbentuk dalam konsep *Qawāʿid al-Maqasidiyyah*.

Kesimpulannya, penulis mendapati kesukaran mendapatkan rujukan dan sandaran kajian yang menunjukkan bahawa *Qawāʿid al-Maqāṣid* boleh membentuk KBAT pelajar. Lebih khusus lagi, *Qawāʿid al-Maqāṣid* belum dikaji sebagai model pedagogi yang mampu menambahbaik pendekatan PBM dan PBI dengan menggunakan kaedah-kaedah yang ada untuk menggabungkan dimensi logik, nilai dan agama dalam proses berfikir Ketika menyelasaikan masalah atau soalan yang diberikan

Melalui kaedah-kaedah *maqasid*, hubungan dengan persoalan yang lebih bersifat falsafah dalam pendekatan Pedagogi Hikmah dan PBI dapat dijelaskan dengan lebih sistematik memandangkan kaedah-kaedah ini terbina dari penyataan-penyataan nas yang menggabungkan dimensi rasional dan syariat. Sehubungan dengan itu, penulis akan menghuraikan hubungan ini dengan lebih lanjut dalam sub-topik yang berikut yang meneliti kaitan antara ilmu *mantiq* dan *Qawāʿid al-Maqāṣid*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis kandungan bagi meneliti potensi *Qawāʿid al-Maqāṣid* sebagai model pemikiran aras tinggi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Syariah di peringkat pengajian tinggi.

Analisis kandungan dipilih sebagai metod kajian kerana ia membolehkan penyelidik meneliti konsep, prinsip, struktur epistemologi dalam teks ilmiah *turath* dan moden secara terangkum dan dapat menghubungkannya dengan pedagogi moden sedia ada seperti pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri. Pendekatan ini selari dengan Cadangan Mayring, P. (2021) bahawa analisis kandungan sesuai untuk menganalisis karya klasik bagi membina model konseptual baharu.

Sumber rujukan utama adalah buku *Qawāʿid al-Maqāṣid* ‘inda al-Imām al-Shāṭibī karya Abdul Rahman al-Kailani (2000). Kaedah induktif digunakan untuk melihat pengamalan al-Kailani membahaskan *Qawāʿid al-Maqāṣid* untuk penulis mengeluarkan 4 struktur asas iaitu *al-Taʾṣīl* (Penetapan asas dan dalil), *al-Taḥlīl* (Penghuraian konsep), *al-Taṭbīq* (pengamalan kaedah) dan *al-*

Taṣnīf (pengkelasan tema maqasid). Marying, P (2021) juga menjelaskan bahawa pendekatan analisis kandungan secara kaulitatif membolehkan penyelidik membina kategori dan tema secara induktif dari data teks.

Selain itu, 4 struktur ini dianalisis dari sudut potensi menyokong elemen KBAT Bloom Taksonomi iaitu proses mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Bloom Taksonomi dijadikan panduan analisis bersesuaian dengan cadangan Kadar et al. (2021) dan tidak jauh beza dengan domain kognitif yang ditetapkan oleh MQF edisi ke-2. Bloom Taksonomi sesuai dijadikan garis panduan dalam penyediaan penilaian untuk mengukur tahap kognitif kerana sudah mempunyai pembahagian istilah untuk menggambarkan tahap berfikir.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisa *Mantiq* terhadap Kaedah Asas Maqasid Syariah

Sebelum membahaskan struktur *Qawāʿid al-Maqāṣid* menurut al-Kailani, penulis mengambil satu kaedah untuk diteliti iaitu kaedah ''وُضِعَتِ الشَّرَائِعُ إِنَّمَا هِيَ لِمَصَالِحِ العِبَادِ فِي العَاجِلِ وَالآجِلِ مَعًا'' yang bermaksud pensyariatan hukum-hakam ditetapkan semata-mata untuk kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat secara bersama.

Dari pespektif *mantiq*, kaedah ini boleh difahami sebagai satu penyataan yang terbentuk dari jenis qadiyyah hamliyyah kerana ia menghubungkan subjek dengan predikat secara langsung tanpa syarat, penafian atau lain-lain (Al-Shinqīṭī, 2006). Berdasarkan struktur *qadiyyah* tersebut, *mawḍū* (subjek) yang dinyatakan adalah *waḍʿ al-sharā'iʿ* (pensyariatan hukum hakam) manakala *maḥmūl* adalah li-*maṣāliḥ al-ʿibād fī al-ʿājil wa al-ājil* (untuk kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat).

Dari sudut nisbah kuantiti, qadiyyah ini bersifat kulliyyah kerana ia merujuk kepada keseluruhan sistem pensyariatan tanpa menghadkan kepada hukum tertentu sahaja. Selain itu, dari sudut kualiti pula ia berbentuk mujibah iaitu penetapan dan penentuan bahawa syariah mempunyai tujuan tertentu. Kehadiran lafaz "innamā" dalam kaedah tersebut memberi makna pengkhususan dan pembatasan yang menegaskan tujuan pensyariatan itu secara asasnya terarah kepada merialisasikan kemaslahatan manusia.

Analisis *mantiq* ke atas kaedah ini penting untuk menggambarkan susunan kaedah yang sistematik untuk dijadikan panduan berfikir. Kaedah ini seterusnya dihuraikan oleh al-Kailani dalam 4 pembahagian utama.

Struktur Perbahasan *Qawāʿid al-Maqāṣid*

Berdasarkan kajian induktif terhadap kaedah-kaedah *maqasidiyyah* yang terdapat dalam keempat-empat jilid al-Muwafaqat, al-Kailani (2000) merangka 2 pecahan utama berkaitan perbahasan kaedah *maqasidiyyah*. Pertama adalah kaedah maqasid yang berkaitan dengan *maslahah* dan *mafsadah* dan yang kedua kaedah maqasid berkaitan menghapus kesulitan. Dua pembahagian besar ini turut membawa kepada kaedah lanjutan yang ketiga dalam maqasid iaitu pertimbangan sebab dan akibat (*maʾālāt al-afʿāl*) dan yang keempat adalah *Maqasid al-Mukallaf*.

Setiap kaedah dibincangkan secara tersendiri melalui penelitian terhadap dalil yang menyeluruh, pandangan para sarjana serta implikasinya terhadap cabang-cabang hukum dan permasahalan yang terhasil kaedah tersebut.

Menurut penelitian penulis, perbahasan *Qawāʿid al-Maqāṣid* yang dibahaskan oleh al-Kailani ini boleh disusun kepada empat kerangka utama, iaitu:

(a) *al-Taṣnīf* (pengkelasan kaedah mengikut tema dan ruang lingkup maqasid)
(b) *al-Taʾṣīl* (penetapan asas dan dalil)
(c) *al-Taḥlīl* (penghuraian konsep)
(d) *al-Taṭbīq* (praktikaliti kaedah)

Penulis memilih 1 kaedah dari bahagian pertama (*maslahah*) dari penulisan al-Kailani untuk memberi gambaran bagaimana 4 pecahan ini boleh dijadikan kerangka berfikir aras tinggi untuk diintegrasikan dengan KBAT, Bloom Taksonomi. Kaedah tersebut ialah "*Wuḍiʿa al-sharʿu innamā huwa li-maṣāliḥi al-ʿibād fī al-ʿājil wa al-ājil maʿan*" (Syariat ditetapkan semata-mata demi meraih *maslahah* buat hamba sama ada di dunia atau di akhirat)

Al-Tasnif

Al-Tasnif merujuk kepada usaha mengkelaskan kaedah maqasid mengikut tajuk, tema atau skop perbincangan dalam maqasid. Al-Kailani meletakkan kaedah ini dalam pembahagian *maslahah*. Al-Kailani meletakkan kaedah ini sebagai asas kepada kaedah yang lain. Hal ini memberi penegasan bahawa bahawa hukum syariah tertegak disebabkan untuk memberi *maslahah* kepada hamba.

Oleh kerana *maslahah* ini sangat luas, terdapat kaedah khusus lain yang menerangkan kaedah umum ini seperti pembahagian *maslahah* (*daruriy, hajiy* dan *tahsiniy*) dan hubungan antara tahapan tersebut contohnya "*Kullu ḥājī wa taḥsīnī innamā huwa khādim li al-aṣl al-ḍarūrī wa mu'nis bih, wa muḥassin li ṣūratih al-khāṣṣah*" (setiap perkara yang bersifat hajiyyat dan tahsiniyyat pada hakikatnya berperanan sebagai penyokong kepada *maslahah* daruriyyat. Menguatkannya dan memperkukuh bentuk pelaksanaannya secara khusus).

Al-Syatibi (1997) membawakan contoh *aqad bay' al-salam* adalah harus diperingkat *hajiyyat* kerana masih terdapat kaedah lain dalam jual beli. Namun jika ia ditegah secara total maka al-Syatibi berpendapat banyak aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan. Menghidupkan aktiviti ekonomi adalah daruriyat bagi sesebuah negara.

Elemen KBAT terdapat dalam fasa *al-Tasnif* melalui beberapa perkara. Antaranya elemen ini dapat dilihat melalui usaha membahagikan kaedah *maqasid* mengikut tema. Ia memperlihatkan bagaimana konsep *maslahah* dianalisis dan disusun kepada kategori tertentu seperti *darūriyyāt, ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Melalui pembahagian, proses penelitian, perbandingan dan penentuan antara *maslahah* boleh dilakukan dengan bantuan kaedah-kaedah *maqasid*.

Perkara-perkara hajiyyat dan tahsiniyyat diperlukan oleh manusia dalam konteks untuk mengangkat kesulitan dan menerapkan keselesaan. Dalam konteks inilah, kemahiran dan disiplin berfikir itu tadi dikaitkan dengan agama melalui kaedah "*Kullu ḥājī wa taḥsīnī innamā huwa khādim li al-aṣl al-ḍarūrī wa mu'nis bih, wa muḥassin li ṣūratih al-khāṣṣah*" (Setiap perkara yang bersifat hajiyyat dan tahsiniyyat pada hakikatnya berfungsi sebagai penyokong kepada maslahat *daruriyyat*, menguatkannya serta memperelokkan bentuk pelaksanaannya secara khusus).

Umumnya perkara *daruriyat* telah diputuskan oleh agama. Impaknya adalah pemikiran tersebut akan sentiasa menyokong kehendak syara' untuk mencapai *maslahah* yang diiktiraf oleh syara' iaitu menjaga *daruriyat*. Pemikiran yang bersifat inklusif antara *maslahah* dan kehendak *syara'* ini bukan sahaja membentuk kaedah

berfikir yang baik malah boleh menangkis ancaman sekularisma dalam pemikiran umat Islam (Mahadi et al., 2025)

Al-Taʾṣīl

Al-Kailani menyebut bahawa al-Syatibi menggunakan kaedah induktif (*istiqrāʾ*) dari pelbagai nas dari al-Quran dan al-Sunnah, antaranya:

(a) Surah al-Anbiya' (107)

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ

Perkataan "*Rahmah*" yang terdapat dalam ayat ini memberi makna faedah yang luas merangkumi faedah dunia dan akhirat. Al-Shawkānī (1993) menafsirkan bahawa sebab utama Nabi Muhammad diutuskan adalah untuk memastikan manfaat tersebut dapat dicapai.

(b) Surah al-Baqarah (204-205)

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعۡجِبُكَ قَوۡلُهُۥ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَيُشۡهِدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلۡبِهِۦ وَهُوَ أَلَدُّ ٱلۡخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾

وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ لِيُفۡسِدَ فِيهَا وَيُهۡلِكَ ٱلۡحَرۡثَ وَٱلنَّسۡلَۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

Maslahah yang disebut dalam ayat ini difahami dari 2 keadaan. Pertama larangan Allah kepada manusia dari melakukan kerosakan, gambaran bahawa manusia dituntut melakukan kebaikan. Kedua, penyataan bahawa Allah tidak suka akan kerosakan adalah penegasan bahawa Allah mencintai kebaikan.

(c) Surah al-Isra' (70)

وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ

Al-razi menyebut bahawa antara bentuk kemuliaan ialah apabila manusia berusaha mencapai apa yang dituntut dan diingini oleh syara'. Usaha kearah itu adalah baik dan dianggap tindakan orang yang berakal dan mulia. Oleh itu, *mukallaf* sepatutnya memahami bahawa dengan kemuliaan tersebut, Allah menginginkan kebaikan dari penciptaanya.

4. Surah al-Baqarah (185) & Surah Al-Haj (78)

Ayat-ayat ini menyebut berkenaan dengan ta'lil sebagai perincian kepada hukum-hakam.

... يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلۡيُسۡرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلۡعُسۡرَ ﴿١٨٥﴾

وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖ ...الخ ﴿٧٨﴾

Menurut al-Kailani ayat-ayat ini menjelaskan berkenaan kehendak Allah memberi *maslahah* kepada hambanya. Jika terdapat kesusahan maka diberikan keringanan dan jika terdapat kesulitan maka wajib dihilangkan. Dalil ini dikuatkan dengan hadis Nabi iaitu "*Lā ḍarar wa lā ḍirār*" dan "*Inna al-dīn yusr, wa lan yushād al-dīn aḥadun illā ghalabah*".

Elemen KBAT dalam fasa ini boleh dilihat sekurang-kurang pada aspek *istidlal maqasidi* iaitu mencari dalil sebagai sandaran kepada kaedah tersebut. Proses *istidlal* ini menyentuh tahap berfikir aras 'penilaian' apabila pelajar mengumpulkan dalil-dalil yang dikemukan membawa kepada satu kesimpulan umum terhadap maksud *maslahah* iaitu meraih kebaikan dan menolak kemudaratan.

Petunjuk Dalil	**Nilai**	**Kehendak Syara'**
رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ	Rahmat seluruh alam	Meraih kebaikan

لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ	Tidak menyukai kerosakkan	Menolak kerosakan
ٱلْيُسْرَ	Keringanan	Meraih kebaikan
حَرَجٍ	Mengangkat kesulitan	Menolak kerosakan

Melalui penilaian ini, pelajar mampu melihat secara jelas arah tujuan dan kehendak dalil-dalil (*dilalah*) yang berorientasikan *maslahah*. Pelajar bukan sahaja sekadar mengetahui maksud ayat tetapi menilai, membandingkan dan merumuskan makna ayat.

Al-Taḥlīl

Berdasarkan kepada penerangan dari sudut *mantiq* di atas, difahami bahawa kaedah ini meletakkan kerangka yang umum mencakupi *maslahah* manusia secara keseluruhan. Kerangka ini difahami bahawa setiap hukum syarak pasti mempunyai tujuan untuk meraih kebaikan.

Pada fasa ini, penyataan "*maslahah*" yang disebut dalam kaedah berbentuk umum meliputi perkara keduniaan (material) dan kerohanian, dunia dan akhirat dalam skop penjagaan *al-ḍarūriyyāt al-khams*. Sebagai contoh pensyariatan puasa untuk meningkatkan kesihatan dan ketaqwaan, zakat untuk menyucikan harta dan hati, azan untuk menunjukkan waktu dan meningkatkan syiar dan jihad untuk menjaga kedaulatan negara dan menegakkan Islam.

Al-Wadaʿān (2017) menjelaskan bahawa perbahasan ini selari dengan konsep *tahqiq al-manat* yang diterangkan oleh al-Syatibi dalam al-Muwafaqat iaitu proses menghubungkan hukum umum (*maslahah* di dunia dan di akhirat) dengan pensyariatan yang khusus (puasa, zakat, azan dan jihad).

Hal ini jelas melalui pernyataan al-Syatibi bahawa hukum syarak yang bersifat umum tidak dapat diaplikasikan melainkan setelah dikaitkan dengan kes-kes tertentu. Proses tersebut dilakukan melalui *tahqiq al-manat*.

Selain itu, al-Kailani juga membawa beberapa kaedah lain yang selari dengan kaedah ini. Contohnya:

(a) التكليف كله إما لدرء المفاسد، وإما لجلب المصالح، أو لهما معًا، فالدّاخل تحته مقتضٍ لما وُضِعَ له

Maksud kaedah: Keseluruhan *taklif syara'* bertujuan sama ada untuk menolak kemudaratan, menarik kemaslahatan, atau kedua-duanya sekali; maka setiap hukum yang berada di bawahnya berfungsi selaras dengan tujuan ia disyariatkan.

(b) إن الأعمال الشرعية غير مقصودة لأنفسها، وإنما قُصِد بها أمور أخرى هي معانيها، وهي المصالح التي شُرعت لأجلها

Maksud kaedah: Sesungguhnya amalan-amalan syariah tidak ditujukan kepada zatnya semata-mata, tetapi ditujukan kepada makna dan tujuan di sebaliknya, iaitu kemaslahatan yang menjadi sebab pensyariatannya.

Penghuraian kaedah ini dalam fasa *al-Taḥlīl* bukan sekadar menyokong konsep secara teori bahkan turut merupakan mekanisma sokongan, penerangan dan pengamalan kepada syariat yang bersifat praktikal seperti puasa, zakat, azan dan jihad.

Proses ini memperlihatkan elemen "analisis". Apabila konsep maslahah yang umum ditentukan keluasan skop seperti *maslahah* di dunia dan *maslahah* di akhirat serta skop *al-ḍarūriyyāt al-khams*.

Maka pelajar boleh membuat penilaian berdasarkan dalil-dalil penyariatan yang ada dari al-Quran dan hadis untuk menentukan sudut tujuan dan hikmahnya.

Selain itu, justifikasi sesuatu perintah juga boleh difahami dari 2 sudut iaitu hukum dan juga hikmah seperti yang disebut dalam kaedah lain, "*al-awāmir wa al-nawāhī hiya min jihat al-lafẓ ʿalā tasāw fī dalālat al-iqtiḍā', wa innamā al-ikhtilāf bayna mā huwa amr wujūb aw nadb, wa mā huwa nahy taḥrīm aw karāhah lā yuʿlam min al-nuṣūṣ, wa mā ḥaṣala al-farq illā bi-ittibāʿ al-maʿānī wa al-naẓar fī al-maṣāliḥ, wa fī ayy martabah taqaʿ*" (Perintah dan larangan dari sudut lafaz adalah sama pada asalnya, tetapi perbezaan antara wajib, sunat, haram atau makruh hanya dapat ditentukan melalui pemahaman makna dan pertimbangan maslahat serta tahapnya)

Kaedah ini memberi gambaran bahawa kemahiran menganalisis dan menilai dari sudut pertimbangan maqasid dan *maslahah* penting kerana dapat membezakan hierarki *maslahah* sekaligus memberi gambaran kepada hirerarki hukum taklifi.

Al-Taṭbīq

Kaedah utama ini memberi penerangan berkenaan dengan *maslahah* pensyariatan yang ditaklifkan kepada hambanya adalah tidak bertentangan antara satu sama lain. Contohnya penyataan seperti bagaimana puasa dan zakat membawa *maslahah* sedangkan amalan tersebut membawa kepada kelaparan dan pengurangan harta. Kekeliruan ini turut dinyatakan oleh Alford, P. E. (2022) bahawa jihad di awal pengembangan Islam adalah berbentuk kempen perluasan kuasa, kempen ketenteraan dan pengumpulan harta kekayaan.

Pertentangan antara maslahah dan mafsadah ini boleh difahami juga melalui kaedah "*Inna al-shāriʿ lam yaqṣid ilā al-taklīf bi al-shiqāq wa al-iʿnāt fīh*" (Sesungguhnya pembuat syariat (Allah SWT) tidak bertujuan menjadikan taklif sebagai suatu yang membawa kepada kesukaran).

Maka, dalam konteks maslahah yang ingin diraih, kelaparan ketika berpuasa, pengurangan harta ketika mengeluarkan zakat, keletihan ketika menunaikan solat dan kecederaan ketika berjihad adalah kesan dari akibat perbuatan yang dilakukan yang bukan menjadi tujuan syara'. Tujuan utama dari puasa, zakat, solat dan jihad adalah termasuk dalam penjagaan *al-ḍarūriyyāt al-khams* dan penjagaan iman serta taqwa.

Semua contoh-contoh ini menunjukkan bahawa hukum-hakam syarak tidak boleh dilihat dari sudut literal semata-mata tetapi memerlukan penilaian dan pertimbangan berfikir aras tinggi terhadap maslahah. Keseimbangan *maslahah* dan *mafsadah* di dunia dan di akhirat sekaligus membuktikan hukum syara' ingin merealisasikan kesejahteraan yang holistik.

Analisis Aplikasi Pembelajaran Berasaskan KBAT dari Kerangka *Qawāʿid al-Maqāṣid*

Pendekatan pembelajaran berasaskan KBAT dalam pendidikan kontemporari lazimnya digunakan dalam proses pengajaran dan pembeljaran serta tahap penilaian peperiksaan untuk menguji kemahiran berfikir pelajar dalam menguasai kandungan pembelajaran. Kerangka ini pada asasnya bersifat umum yang mengandungi tahap kemahiran berfikir secara universal yang digunakan dalam kurikulum (Andin, C., & M.Z, R. 2023).

Dalam konteks ini, kerangka *Qawāʿid al-Maqāṣid* tidak dilihat sebagai alternatif yang menggantikan KBAT tetapi sebagai pelengkap yang memperkaya proses berfikir yang mempunyai asas dan nilai sebagai seorang pelajar dalam bidang penyelidikan hukum. Integrasi antara KBAT dan *Qawāʿid al-Maqāṣid* dapat difahami melalui penyelarasan fungsi setiap tahap kognitif dengan dimensi maqasid.

Fasa *al-Taṣnīf* membantu proses pengelasan maklumat selari dengan tahap analisis dalam KBAT diperkukuh dengan hierarki maqasid seperti darūriyyāt, ḥājiyyāt dan *taḥsīniyyāt*, penjagaan *al-ḍarūriyyāt al-khams, kulliyat* dan *juz'iyat* atau *wasilah* dan *maqasid*. Selain itu boleh juga dikelaskan dengan *maqasid syari', maqasid mukallaf* dan *ma'alat* (implikasi).

Al-Kailani membawa satu kaedah yang membantu kefahaman pelajar dalam berfikir aras tinggi Ketika membuat pengelasan iaitu "*Al-mafhūm min waḍʿ al-shāriʿ anna al-ṭāʿah aw al-maʿṣiyah tuʿaẓẓam biḥasabi ʿiẓam al-maṣlaḥah aw al-mafsadah al-nāshiʾah ʿanhā*" (sesuatu ketaatan atau kemaksiatan dinilai tahap kepentingan dan kesannya berdasarkan besar atau kecilnya *maslahah* atau mafsadah yang terhasil).

Kaedah ini membantu pelajar untuk melihat perkara yang boleh dikaji terlebih dahulu sebelum menetapkan satu-satu penghukuman. Dengan itu, pelajar harus meneliti hukum yang terdapat dalam fatwa, mengukur impak *maslahah* dan *mafsadah* yang terhasil untuk meletakkan sesuatu isu dalam hierarkinya.

Seterusnya dalam fasa *al-Taʾṣīl*, proses berfikir dipandu dengan kaedah istidlal maqasidi yang menuntut pelajar menilai dalil melalui petunjuk (*dilalah*) kendak syarak. Di sini, kerangka *maqasid* berfungi petunjuk yang membantu proses berfikir tidak terhenti pada tahap rasional semata-mata tetapi disandarkan kepada prinsip wahyu. Dengan dengan itu, keterbatasan pendekatan KBAT dilengkapkan dengan dimensi nilai dan kerohanian. Al-Syatibi menyebut sebagai *i'tibar al-ma'ani* iaitu lafaz-lafaz nas mengandungi petunjuk untuk ijtihad hukum.

Penekanan kepada perkara ini didasari dengan kaedah yang dibawakan oleh al-Kailani bermaksud berpegang kepada literal dan zahir secara keterlaluan akan membawa kepada penyimpangan dari tujuan *syara'* manakala pengabaiannya juga merupakan suatu bentuk yang melampau (*al-israf*).

Dalam fasa *al-Taḥlīl*, integrasi ini menjadi lebih signifikan apabila kemahiran aplikasi diselaras dengan konsep-konsep seperti tahqiq al-manat. Pelajar bukan sahaja menghubungkan konsep umum kepada situasi yang khusus tetapi juga mengenalpasti maqasid disebalik hukum.

Sebagai contoh dalam memahami ibadah puasa pelajar tidak sekadar menganalisis hukum, rukun dan syarat puasa tetapi menilai hubungan antara wasilah (menahan lapar) dengan tujuan (takwa). Proses ini menunjukkan bahawa kerangka berfikir yang dibentuk dari KBAT dan Qawaid bukan sekadar gabungan konsep tetapi pembinaan tahap berfikir yang berorientasikan makna syara'.

Fasa *al-Taṭbīq* pula menunjukkan bagaimana hubungan penilaian kritis dengan *maʾālāt al-afʿāl* (implikasi perbuatan). Melalui fasa ini, pelajar berupaya menilai sesuatu kejadian secara holistik dengan mengambil kira kesan jangka masa pendek dan panjang.

Perkara ini turut disebut oleh Auda. (2021) bahawa pendekatan *maqasid* membantu kaedah pembuatan keputusan dengan dengan mengambil kira tahap implikasi melalui konsep 'tujuan dan matlamat'. Baginya, tujuan dan matlamat adalah konsep yang sentiasa dihadapan iaitu perkara yang ingin dicapai.

Oleh yang demikian, tujuan, perancangan masa hadapan, perancangan jangka masa panjang adalah asas dalam pendekatan *maqasid*.

Penelitian terhadap implikasi yang akan terjadi adalah perbuatan yang diiktiraf oleh *syara'* kerana hukum fiqh diukur dari perbuatan yang terjadi tanpa mengambil kira niat *mukallaf* semata-mata contohnya praktikaliti dalam jenayah pembunuhan terdapat hukuman kepada pembunuh yang sengaja, separa sengaja dan tidak sengaja. Maka ukuran sebenar adalah kesan perbuatan dalam realiti pelaksanaanya.

Oleh itu, jika sesuatu perbuatan dijangka membawa kepada implikasi yang bercanggah dengan *Maqasid Syariah* contohnya kebenaran memiliki senjata tanpa dikawal dengan sistem kawalan yang ketat akan membuka kepada pelbagai masalah, maka *mukallaf* hendaklah mengelak sejak dari awal. Dalam mengaplikasi konsep ini, setiap pertimbangan mesti kembali kepada prinsip iaitu tujuan syarak daripada *mukallaf* ialah agar tujuan dalam pelaksanaan sesuatu perbuatan selari dengan tujuan pensyariatan.

Secara keseluruhannya, integrasi antara KBAT dan kaedah-kaedah *maqasid* ini boleh dirumaskan sebagai pemikiran aras tinggi yang dipandu oleh tujuan syara'. Hal ini menjadikan proses pembelajaran dalam penyelidikan hukum bukan sahaja menghasilkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis tetapi mampu membuat keputusan yang selari dengan prinsip *syara'*; kesimbangan dan kemaslahatannya.



Rajah 1: Hubungan *Qawāʿid al-Maqāṣid* dan KBAT

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa *Qawāʿid al-Maqāṣid* bukan sekadar disiplin teoritikal dalam kajian hukum bahkan berpotensi sebagai kerangka pedagogi untuk membentuk kemahiran berfikir aras tinggi. Integrasi antara struktur *Qawāʿid al-Maqāṣid* – melalui *al-Taṣnīf, al-Taʾṣīl, al-*

Taḥlīl dan *al-Taṭbīq* – dengan pendekatan pedagogi seperti PBM dan PBI telah menunjukkan bahawa proses berfikir dalam pengajian syariah khususnya dalam *Maqasid Syariah* tidak hanya terhenti pada dimensi kognitif tetapi turut dipandu oleh kehendak wahyu.

Dapatan ini selari dengan objektif kajian bahawa pemikiran aras tinggi dalam konteks pengajian syariah khususnya perlu berasaskan keseimbangan antara nas, akal dan realiti sekaligus mengisi jurang dalam pendekatan KBAT semasa yang cenderung bersifat mandiri dan kelihatan terpisah dengan dari dimensi agama.

Namun demikian, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut yang lebih mendalam dan terperinci. Antaranya ialah pembangunan model kurikulum berasaskan *Qawāʿid al-Maqāṣid* yang boleh diuji secara lapangan dalam bilik darjah melalui instrumen penilaian yang sah.

Selain itu, kajian masa hadapan boleh juga meneliti bagaimana integrasi ini dapat diaplikasikan dalam bidang Syariah yang lain seperti muamalat dan halal malah juga kepada selainnya seperti ekonomi, pengurusan dan dasar. Pendekatan ini penting bagi memastikan bahawa *Maqasid Syariah* terus berkembang sebagai kerangka berfikir yang dinamik dan relevan dalam menghadapi cabaran dalam pendidikan tinggi sekarang.

RUJUKAN

Abdullah, M., Mohd Zhaffar, N., Badaruddin, Z., & Mohd Nawi, R. (2025). Incorporating Critical Thinking in Usul al-Fiqh Subject with Islamic Perspectives. AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), 1-15. https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.1.2025

Abdulghani, N., Masuwd, M., Alrumayh, S., Masoud, M., & Toure, Y. (2025). Maqasid al-Shariah as a framework for developing critical thinking in Islamic higher education. Journal of Islamic Studies and Social Science, 1(2).

Agensi Kelayakan Malaysia. (2013). Standard program: Pengajian Islam. Agensi Kelayakan Malaysia

Alford, P. E. (2022). Islam expands throughout the Middle East. EBSCO Research Starters. https://www.ebsco.com/research-starters/history/islam-expands-throughout-middle-east

Al-Kailani, ‘A. R. I. Z. (2000). *Qawāʿid al-Maqāṣid* ʿinda al-Imām al-Shāṭibī: ‘Arḍan wa Dirāsatan wa Taḥlīlan. Dār al-Fikr.

Al-Mahdi Jenkins, M., & Azimullah, A. A. (2016). Positive Islamic Psychology: A transcendent model to achieve peace, happiness, and success in the 21st century. Kuala Lumpur: Excellent Ummmah Development Association and Positive Islamic Psychology Centre.

Al-Nadwi, A. A. (1991). Al-qawāʿid al-fiqhiyyah: Mafhūmuhā, nash’atuhā, taṭawwuruhā, dirāsah muʾallafātihā, adillatuhā, muhimmatuhā, taṭbīqātuhā. Damascus: Dār al-Qalam

Al-Shāṭibī, I. (1997). Al-Muwāfaqāt fī uṣūl al-sharīʿah (A. M. Ḥasan Āl Salmān, Ed.). Dār Ibn ʿAffān.

Al-Shinqīṭī, M. al-Ḥasan. (2006). Sharḥ ʿalā al-Manẓūmah fī ʿIlm al-Manṭiq. Dār al-Nahḍah

Al-Suyūṭī, J. al-D. ʿA. b. A. B. (1997). Al-ashbāh wa al-naẓāʾir fī qawāʿid wa furūʿ fiqh al-Shāfiʿiyyah (Vol. 1, 2nd ed.). Makkah al-Mukarramah & Riyadh: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz.

Al-Wadaʿān, W. b. F. (2017, January 22). Ra'y al-imām al-Shāṭibī fī aqsām taḥqīq al-manāṭ fī al-ijtihād (2). Alukah.

Anchunda, H. Y., & Kaewurai, W. (2025). An instructional model development based on inquiry-based and problem-based approaches to enhance prospective teachers' teamwork and collaborative problem-solving competence. Social Sciences & Humanities Open, 11, 101480.

Andin, C., & M.Z, R. (2023). Pengajaran KBAT Merentas Kurikulum: Cabaran Guru dalam Pelaksanaan. Jurnal Pemikir Pendidikan, 11(1), 61–72. https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4280

Auda, J. (2021). Re-envisioning Islamic Scholarship: Maqasid Methodology as a New Approach. Claritas Books.

Barrows, H. S. (1983). Problem-based, self-directed learning. Jama, 250(22), 3077-3080.

Diah, A. H. H. M. (2010). Falsafah Pendidikan Islam Di Peringkat Ijazah Tinggi Di Malaysia Peranan Institusi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. Progresiva, 3(2), 162024.

Facione, P. A. (2011). Critical thinking: What it is and why it counts. Insight assessment, 1(1),1-23.

Hamat, M. F., & Ellias, M. S. (2010). Aspek-aspek pemikiran kritis dalam al-qawa'id al-fiqhiyyah. Jurnal Syariah, 18(3), 527-564.

Hashim, R., Yusoff, W. M. W., Hussien, S., Khalid, M., & Kamalludeen, R. (2018). Aplikasi pedagogi hikmah bagi pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43(2), 37-47.

Hmelo-Silver, C. E. (2004). Problem-based learning: What and how do students learn? Educational Psychology Review, 16, 235–266. https://doi.org/10.1023/B:EDPR.0000034022.16470.f3

Hussien, S. (2007). Critical pedagogy, Islamisation of knowledge and Muslim education. Intellectual Discourse, 15(1)

Ifwat Ishak, M. S., & Mohammad Nasir, N. S. (2021). Maqasid al-Shari'ah in Islamic finance: Harmonizing theory and reality. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 18(1), 108–119. https://doi.org/10.33102/jmifr.v18i1.334

Ishak, M. S. I., & Nasir, N. S. M. (2021). Maqasid al-shari'ah in Islamic finance: Harmonizing theory and reality. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 108-119.

Iswara, D. (2025). Teori Konstruktivisme dan Implikasinya Dalam Pembelajaran. Formatif: Jurnal Pendidikan Sosial dan Humaniora, 1(02).

Jalani, N. H. (2012, October). Beban Kognitif Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah. In Proceedings of 2012 World Congress.

Kadar, R., Mohamed Yusoff, S. A. ., Warris, S. N. ., & Abu Bakar, M. S. (2021). Students Assessments in Learning Programming based on Bloom's Taxonomy. Journal of Computing Research and Innovation, 6(3), 13–21. https://doi.org/10.24191/jcrinn.v6i3.223

Locatelli, R. (2024). Renewing the social contract for education: Governing education as a common good. Prospects, 54(2), 315-321.

Mahadi, M. H., Ibrahim, S. S., Abd Rahman, S. N. H., Babge, S. N., & Ismail, A. M. (2025). Aplikasi Maqasid Shariah dalam Menangani Cabaran Isu Pemikiran Kontemporari. e-BANGI, 22(1), 532-540.

Malaysian Qualifications Agency. (2024). Malaysian qualifications framework (MQF) (2nded.). Malaysian Qualifications Agency.

Mayring, P. (2021). Qualitative content analysis: A step-by-step guide. SAGE Open,

Nisa, W. U., Aman, K., Murtaza, S., Abdullah, Z., & Gul, N. (2024). Relationship between Self-Directed Learning and Self-Regulated Learning in Problem-Based Learning: Problem Based Learning. Pakistan Journal of Health Sciences, 5(12), 68–75. https://doi.org/10.54393/pjhs.v5i12.2501

Nurholis, M. . (2025). Islamic Law and Environmental Sustainability: Maqasid al-Sharia's Perspective. Jurnal Mediasas: Media Ilmu Syari'ah Dan Ahwal Al-Syakhsiyyah, 8(3), 541–548. https://doi.org/10.58824/mediasas.v8i3.413

Omar, S. (2025). Keberkesanan Project-Based Learning (PBL) dalam Meningkatkan Penguasaan Pengaturcaraan. Journal on Technical and Vocational Education, 10(2), 977-985.

Sahin, A. (2013). New directions in Islamic education: Pedagogy and identity formation. Kube Publishing Ltd.

Soh, N. S. M., Ismail, H., Sairi, F. M., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0: Moral Values in Education 5.0. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 5(2), 1-11.

Stapa, Z. (2001). Insan Kamil: Ciri dan Proses Pembentukan. Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam, 2(1), 43–60. Retrieved from https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/6008

Susana, L. M., Tripalupi, R. I., Kholil, S., Efendi, N., & Sakinah, G. (2025). Reconstructing Islamic Legal Norms in Environmental Governance: A Maqasid-Based Legal Critique of Indonesia's Resource Policies. Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam, 10(2), 650–670.

Taguma, M., & Frid, A. (2024). Curriculum frameworks and visualisations beyond national frameworks: Alignment with the OECD Learning Compass 2030.

Yaacob, W. A. Z., Abdullah, L., & Syed Jaafar, S. M. J. (2023). PEMIKIRAN SYEIKH 'ALĪ JUM'AH DALAM MANHAJ PEMFATWAAN: SATU SOROTAN AWAL: Sheikh 'Alī Jum'ah's Thoughts in Fatwa Method: A Preliminary Review. Jurnal Syariah, 31(3), 380–407. https://doi.org/10.22452/syariah.vol31no3.4

Yunus, J. N. (2022). Opportunities and Challenges in Tertiary Education in the Era of Society 5.0 in the Malaysian Higher Education Context: Peluang Dan Cabaran Pendidikan Tinggi Di Era Society 5.0 Dalam Konteks Pendidikan Tinggi Di Malaysia. Management Research Journal, 11(2), 74-79. https://doi.org/10.37134/mrj.vol11.2.7.2022

Zakaria, M. I., Noor Nasran, N. A. H., Ahmad Alhassora, N. S., & Pairan, R. (2024). Unleashing Problem-Based Learning Method among Mathematics Teachers. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 13(1), 667-675.

Zulkifli, H., & Hashim, R. (2019). The development of questioning skills through Hikmah (wisdom) Pedagogy. Creative Education, 10(12), 2593-2605.